Inspirasi Inside
TERKINI DI UPSI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY
Bil 43: 26 Oktober 2026

UPSI Cipta Rekod Malaysia: 82 Pelajar Antarabangsa Sertai Program Keluarga Angkat



Seri Manjung, 24 Oktober - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerima pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) menerusi rekod Most International Students Participating in a Foster Family Program menerusi Program Bakti MADANI Mega 2026. Pengiktirafan itu disampaikan oleh Perunding Rekod Kanan MBOR, Edwin Yeoh Tiong Chin dan Perunding Rekod, Mohamad Hazim Danial Mohamad Nizam kepada Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff, pada Malam Kemuncak Festival Puisi dan Lagu Rakyat Antarabangsa (PULARA) 2026 di Dataran MADANI, di sini, semalam.

Majlis penyerahan sijil itu disaksikan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir. Md Amin berkata, Program Bakti MADANI Mega 2026 yang dianjurkan Jabatan Pendidikan Tinggi bersama UPSI itu merupakan inisiatif diplomasi budaya yang menghimpunkan 82 pelajar antarabangsa bersama 33 keluarga angkat dari Kampung Telaga Nenas dan Kampung Bharu, Manjung. Menurutnya, pengiktirafan itu mencerminkan kejayaan usaha memperkukuh hubungan antara pelajar antarabangsa dengan masyarakat tempatan menerusi penghayatan budaya serta kehidupan komuniti setempat.

Beliau berkata, program berkenaan bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar antarabangsa mengenali tradisi masyarakat Malaysia dengan lebih dekat, malah menyemai nilai perpaduan, saling menghormati dan persahabatan merentasi negara. “Program ini menjadi simbol keharmonian dan ukhuwah sejagat apabila pelajar dari pelbagai negara berpeluang tinggal bersama keluarga angkat, mengenali budaya tempatan serta merasai sendiri kehidupan bermasyarakat di Malaysia. “Pendekatan ini membuktikan bahawa pendidikan bukan sekadar berlangsung di bilik kuliah, sebaliknya turut berkembang melalui interaksi sosial, pengalaman budaya dan hubungan kemanusiaan yang mampu merapatkan masyarakat antarabangsa,” katanya.

Md Amin berkata, penglibatan keluarga angkat dan penduduk kampung turut memberikan pengalaman bermakna kepada pelajar antarabangsa untuk memahami adat resam, tradisi serta nilai kehidupan masyarakat tempatan. Antara pengisian program ialah persembahan nasyid oleh pelajar tahfiz, pengenalan kepada upacara tradisional berendoi serta peluang menikmati makanan warisan masyarakat setempat, termasuk penjan ubi kayu dan ubi rebus bersama ikan bilis. Menurutnya, pengalaman itu bukan sahaja memperkenalkan keunikan budaya Melayu kepada peserta, malah membuka ruang kepada pembentukan persahabatan dan persefahaman antara masyarakat berlainan latar belakang.

Sementara itu, Zambry berkata, PULARA perlu terus diperkasa sebagai wadah memelihara warisan budaya, memperkukuh jati diri bangsa dan mendekatkan institusi pengajian tinggi dengan masyarakat menerusi penghayatan seni, budaya serta kesusasteraan.



Inspirasi Inside
TERKINI DI UPSI
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Sultan Idris Education University
Bil 43: 26 Oktober 2026



UPSI berpotensi jadi hab pembangunan golf, pelancongan sukan Perak

Ipoh, 20 Oktober - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berpotensi menjadi hab pembangunan sukan golf dan pelancongan sukan di Perak, sekali gus menyokong usaha kerajaan negeri mempromosikan Tahun Melawat Perak.Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Perak Datuk Khairudin Abu Hanipah berkata penganjuran Kejohanan Golf Universiti Awam Malaysia Ke-53, 2026, membuktikan keupayaan UPSI menjadi rakan strategik kerajaan negeri dalam membangunkan modal insan dan sukan.

Beliau berkata kekuatan Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSK) serta kedudukan UPSI di Tanjong Malim memberikan kelebihan kepada universiti itu untuk memainkan peranan lebih besar dalam pembangunan sukan golf.“Penganjuran kejohanan ini berjaya membawa ratusan pemain, pegawai dan keluarga dari seluruh negara untuk merasai sendiri keindahan dan kemudahan padang golf bertaraf dunia di Perak,” katanya.Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Makan Malam Kejohanan Golf Universiti Awam Malaysia Ke-53, 2026, di Dewan Jubilee Ballroom, Royal Perak Golf Club di sini, semalam.Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah UPSI, Datuk Seri Abdul Puhat Mat Nayan.

Khairudin berkata kejohanan itu turut mencerminkan jalinan kerjasama strategik antara kerajaan negeri, institusi pendidikan tinggi awam, khususnya UPSI, dan komuniti golf universiti awam di seluruh negara.Beliau berkata kerjasama berkenaan diharap dapat diteruskan menerusi pelaksanaan lebih banyak program berimpak tinggi yang bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan sukan, malah memperkukuh hubungan antara universiti dengan kerajaan negeri.“UPSI telah membuktikan bahawa universiti bukan sahaja pusat ilmu, tetapi juga rakan strategik negeri dalam menjayakan agenda pembangunan modal insan dan sukan,” katanya.

778 sukarelawan 18 universiti awam santuni mangsa banjir kilat di Pangkor

Pangkor, 21 Oktober - Seramai 778 sukarelawan merangkumi pelajar dan kakitangan daripada 18 universiti awam seluruh negara digerakkan menerusi Misi Sukarelawan Mega @ Pangkor bagi membantu penduduk yang terjejas akibat kejadian banjir kilat di Pulau Pangkor.

Misi berkenaan digerakkan susulan hujan lebat berterusan selama kira-kira dua jam bermula 4 pagi yang mengakibatkan paras air meningkat mendadak dan memasuki kediaman penduduk sebelum beransur-ansur surut sekitar 9 pagi, menjejaskan sekurang-kurangnya 150 rumah di Kampung Masjid, Kampung Teluk Kecil, Kampung Sungai Pinang Besar, Kampung Cina Sungai Pinang dan Kampung Cina Pangkor.

Pengerusi Jawatankuasa Naib Canselor dan Rektor Universiti Awam merangkap Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff, berkata komitmen pelbagai universiti dalam operasi pascabencana ini membuktikan institusi pengajian tinggi sentiasa prihatin dan bersolidariti dengan masyarakat yang berdepan kesukaran. “Semangat kebersamaan yang ditunjukkan oleh penuntut-penuntut universiti awam yang terlibat hari ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi tidak pernah terpisah daripada nadi masyarakat.





PULARA perkukuh jati diri bangsa, pelihara warisan budaya

Manjung, 25 Oktober - Festival Puisi dan Lagu Rakyat Antarabangsa (PULARA) perlu terus diperkasakan sebagai wadah memelihara warisan seni dan budaya, selain memperkukuh jati diri bangsa serta memupuk persefahaman dalam kalangan masyarakat berbilang budaya. Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abd Kadir berkata, pembangunan negara tidak seharusnya diukur berdasarkan kemajuan ekonomi dan keuntungan material semata-mata, sebaliknya turut bergantung pada kekuatan identiti, nilai kemanusiaan serta warisan budaya.

Menurutnya, kegagalan menghayati budaya dan warisan boleh menyebabkan sesebuah masyarakat kehilangan jati diri meskipun mencapai kemajuan dalam bidang ekonomi dan teknologi. “Negara itu terbentuk oleh sesebuah bangsa dan masyarakat yang mendiami negara berkenaan. Jika negara itu tidak mempunyai identiti, ciri, budaya dan warisannya, negara itu akan dianggap sebagai sebuah negara yang tandus dari segi budaya,” katanya. Beliau berkata demikian ketika merasmikan pembukaan PULARA 2026 di Dataran MADANI Seri Manjung. Zambry berkata, puisi dan lagu rakyat bukan sekadar medium hiburan, malah menjadi cerminan pemikiran, perasaan serta nilai kemanusiaan sesebuah masyarakat yang perlu dipelihara dan diwariskan kepada generasi akan datang.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan golongan muda agar tidak melupakan akar budaya sendiri ketika berdepan perkembangan teknologi dan kecerdasan buatan (AI) yang semakin mempengaruhi kehidupan seharian. Beliau turut berharap penganjuran PULARA dapat diperluas ke luar Manjung, termasuk Kuala Lumpur dan pentas antarabangsa, bagi memperkenalkan keunikan seni serta budaya Malaysia kepada masyarakat dunia. Menurutnya, pendekatan PULARA 2026 yang membawa peserta ke kampung dan membolehkan mereka berinteraksi secara langsung dengan masyarakat setempat merupakan inisiatif kreatif yang memberikan pengalaman bermakna kepada peserta tempatan dan antarabangsa.Pada majlis sama, Zambry menyempurnakan pelantikan empat Ketua Kampung PULARA 2026 bagi menghidupkan tradisi kepimpinan masyarakat kampung sebagai lambang penyatuan, pemeliharaan adat dan kesinambungan warisan budaya. Majlis itu turut menyaksikan peluncuran Program Bakti MADANI Mega Titian Budaya, yang merangkumi penyerahan anak angkat antarabangsa kepada keluarga angkat di Kampung Baru Lumut dan Kampung Telaga Nenas, Manjung. Sementara itu, Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof. Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata, lebih 20,000 pengunjung dijangka menghadiri PULARA 2026. Beliau berkata, festival itu turut membabitkan penyertaan lebih 2,000 pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta lebih 100 pelajar antarabangsa dar 25 negara. Menurutnya, penganjuran edisi ke-12 festival berkenaan memperkenalkan pendekatan baharu menerusi pelaksanaan 20 program PULARA Masuk Kampung yang membawa aktiviti seni, budaya dan kemasyarakatan terus kepada penduduk setempat.

Program berkenaan dikendalikan Majlis Kesukarelawanan Universiti Awam (MASKUM). Selain itu, sebanyak 17 program utama dirancang merangkumi aktiviti seni dan budaya, kemasyarakatan serta pemindahan ilmu bagi memastikan manfaat penganjuran festival dapat dinikmati secara langsung oleh masyarakat setempat.

Ipoh



Majlis Perasmian Program Mahasiswa Perak Sejahtera (MPS) 2030 Tahun 2026

Tanjong Malim



Warisan Seorang Pendidik, Ribuan Buku Kini Jadi Khazanah UPSI

Port Dickson



Perak Unggul di Persada Kebangsaan: Johan Rekoder dan Genderang Feras 2026, Konduktor Turut Raih Anugerah Khas

Seri Manjung



Persidangan Rumpun Melayu Sedunia (RUMIA) 2026